

01 MAY 1999

Mahathir-Pilihan raya

KEMERDEKAAN NEGARA AKAN BERAKHIR JIKA DIKUASAI BARAT, KATA DR MAHATHIR

JITRA, 1 Mei (Bernama) -- Kemerdekaan negara akan berakhir sekiranya rakyat membiarkan diri mereka dihasut oleh pembangkang yang dikuasai pengaruh luar semasa pilihan raya nanti, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengajak rakyat terus mempertahankan kemerdekaan yang sedia ada.

"Kita akan mempertahankan kedaulatan negara kita hingga ke titisan darah terakhir," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu di sini.

Beliau yang juga Ketua Umno bahagian Kubang Pasu berkata Malaysia ialah sebuah negara merdeka maka rakyatnya sendiri yang berhak menentukan nasib mereka.

"Bukan (Joseph) Estrada (Presiden Filipina) atau pemimpin-pemimpin negara asing yang menggunakan boneka tempatan, berhak untuk menentukan nasib negara ini," katanya.

"Kita bergantung kepada pilihan raya untuk rakyat menentukan kerajaan dan bukannya cara mengadakan demonstrasi bagi menentukan kerajaan seperti yang diamalkan oleh parti-parti pembangkang," katanya.

Dr Mahathir meminta rakyat berwaspada terhadap gejala parti pembangkang seperti PAS dan Parti KeADILan Nasional (Keadilan) yang menerima demokrasi liberal ala Barat secara total tanpa mengenyepikan nilai-nilai yang tidak baik.

Mereka berpendapat mereka boleh berbuat apa sahaja termasuk memfitnah, mencarut dan memaki hamun seperti yang diamalkan oleh budaya Barat.

"Jangan terlalu taksud dengan Barat. Kita hendaklah tiru mana yang baik sahaja," katanya.

Malaysia, katanya, ingin menjadi negara maju dalam semua bidang tanpa mengenyepikan nilai-nilai moral, bukan maju mengikut acuan Barat yang menggadaikan nilai-nilai moral.

Dr Mahathir juga menegur PAS dan Keadilan yang menghasut rakyat supaya tidak bersyukur dengan bantuan dan pengorbanan kerajaan.

"Orang ini ajar penuntut supaya jangan berterima kasih pada orang yang tolong sediakan universiti dan biasiswa. Mereka ajar gigit tangan yang beri pertolongan pada kita," katanya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kedua-dua parti pembangkang itu tidak mahu bertanggungjawab apabila pelajar yang diupah untuk merusuh dikecam oleh masyarakat dan ditahan pihak berkuasa.

Beliau juga berkata rakyat tidak akan menerima golongan yang menyalahafsirkan ayat-ayat Al-Quran dan Hadis dengan menyuruh mereka membuat sesuatu yang ditegah oleh agama seperti mencarut dan memfitnah.

Rakyat, katanya, hendaklah jangan mempercayai kononnya sesuatu yang berlaku di mahkamah itu dirancang supaya seseorang itu dihalang daripada menjadi pemimpin negara.

"Tidak ada perbezaan antara rakyat dalam pelaksanaan undang-undang...sama ada pembesar atau orang kecil. Di Malaysia, raja pun boleh dihadapkan ke mahkamah," katanya.

Umno sendiri yang mempunyai anggota 2 juta orang, katanya, pernah dihukum iaitu diharamkan apabila terdapat cawangan yang membuat kesilapan dalam menghantar perwakilan ke perhimpunan agung.

Begitu juga ada menteri dihukum bunuh, menteri besar dan exco dihukum tetapi kerajaan menerima keputusan itu walaupun ianya (keputusan) tidak

memihak kepada kerajaan, kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

JM+MAN RON